



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
الكلية الجامعية الإسلامية العالمية
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR



PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

POLISI PENYELIDIKAN DAN INOVASI KUIS

No. Revisi	Tarikh Kemaskini	Tarikh Kkuatkuasa
1	April 2019	16 Mei 2019
2	18 Mei 2022	1 Jun 2022

Tarikh Diluluskan:
23 Mei 2022
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan KUIS Bil 5/2022

ISI KANDUNGAN

SENARAI SINGKATAN	iv
GLOSARI	v
BAHAGIAN 1	1
Pengenalan	1
1.1 Tujuan	1
1.2 Visi dan Misi Penyelidikan KUIS.....	1
1.3 Fokus Penyelidikan KUIS.....	2
1.4 Kluster Penyelidikan	2
1.5 Sumber Manusia.....	3
BAHAGIAN 2	4
GERAN PENYELIDIKAN	4
2.1 Maklumat Geran Penyelidikan.....	4
2.2 Jenis Geran	4
2.3 Geran Penyelidikan Luar.....	5
2.4 Pendaftaran Penyelidikan Persendirian.....	5
BAHAGIAN 3	6
PENGURUSAN PENYELIDIKAN	6
3.1 Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC)	6
3.2 Bidang Kuasa RIMC	8
3.3 Jawatankuasa Penyelidikan KUIS (JKPK)	9
3.4 Jawatankuasa Etika Penyelidikan (JEP) KUIS	9
3.5 Tabung Penyelidikan dan Inovasi KUIS (TPIK)	9
BAHAGIAN 4	11
HASIL PENYELIDIKAN DAN PETUNJUK PRESTASI	11
BAHAGIAN 5	12
PENERBITAN DAN PENYEBARAN HASIL PENYELIDIKAN	12
BAHAGIAN 6	13
INSENTIF PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN INOVASI	13
BAHAGIAN 7	14

ETIKA PENYELIDIKAN	14
7.1 Pelanggaran Polisi	14
7.2 Salah Laku Penyelidikan	14
BAHAGIAN 8	16
HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSIALAN	16
8.1 Harta Intelek dan Pengkomersialan (HIP)	16
8.2 Perlindungan Harta Intelek	16
8.3 Pemilikan Harta Intelek KUIS	16
8.4 Penghasilan Harta Intelek Bersama Pihak Ketiga.....	17

SENARAI SINGKATAN

GPIK	Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS
GRA	Pembantu Penyelidik Siswazah/ <i>Graduate Research Assistant</i>
HIP	Harta Intelek dan Pengkomersialan
JKPK	Jawatankuasa Penyelidikan KUIS
KP	Ketua Penyelidik
KPI	<i>Key Performance Indicator</i> – Petunjuk Prestasi Utama
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KUIS	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
MoA	<i>Memorandum of Agreement</i>
MOSTI	Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi
MyRA	<i>Malaysian Research Assessment</i>
RA	Pembantu Penyelidik/ <i>Research Assistant</i>
RIMC	Pusat Pengurusan Penyelidikan KUIS (<i>Research Management Centre</i>)
TPIK	Tabung Penyelidikan dan Inovasi KUIS

GLOSARI

Dana Luar	Peruntukan wang yang diperolehi daripada badan bukan kerajaan, pihak swasta atau industri sama ada dari dalam atau luar negara.
Etika Penyelidikan	Prinsip atau batas yang ditetapkan dan perlu dipatuhi oleh penyelidik dalam menjalankan penyelidikan sama ada dalam aspek sumber kewangan, sumber manusia dan sebagainya.
Geran Penyelidikan Dalaman	Peruntukan wang yang disediakan oleh pihak KUIS bagi menggalakkan pegawai akademik menjalankan penyelidikan.
Geran Penyelidikan Luar	Peruntukan wang yang diperolehi dari pihak luar KUIS sama ada dalam negara seperti pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan sebagainya atau dari sumber luar negara.
Penyelidikan Persendirian	Penyelidikan yang dijalankan dengan menggunakan sumber pembiayaan wang / dana sendiri.
Harta Intelektual	Jenis ciptaan dan hasil inovasi yang hak eksklusifnya diakui dan dilindungi di bawah undang-undang berkaitan.
Inovasi	Penciptaan serta implementasi sama ada berbentuk proses, produk, perkhidmatan atau kaedah penyampaian yang baru, yang berupaya memberi peningkatan yang signifikan terhadap hasil, kecekapan, keberkesanan atau kualiti.
Jurnal Berindeks	Jurnal yang terkemuka dalam pelbagai bidang yang disenaraikan oleh penerbit, pertubuhan atau institusi tertentu serta diiktiraf oleh komuniti penyelidik di seluruh dunia.
Jurnal Berwasit	Jurnal yang menerbitkan artikel yang telah dinilai dan dipersetujui untuk diterbitkan oleh penilai yang dilantik oleh sidang pengarang jurnal tersebut.
Ketua Penyelidik	Individu yang mengetuai dan menyelia sesebuah projek atau aktiviti penyelidikan.
Pelajar	Mahasiswa KUIS dan IPT lain.

Pembantu Penyelidik	Individu yang dilantik secara rasmi bagi membantu kerja penyelidikan seperti membantu pencarian maklumat penyelidikan, tinjauan literatur, pengumpulan data, mengurus dan mengemaskini peralatan penyelidikan dan hal-hal lain yang berkaitan.
Pembantu Penyelidik Sementara	Pembantu penyelidik yang bertugas mengikut waktu pejabat dan dibayar upahnya secara bulanan. (<i>Time Based</i>).
Pembantu Penyelidik Sambilan	Pembantu penyelidik yang diberi tugas bergantung kepada keperluan semasa dan dibayar upahnya secara harian. (<i>Job Based</i>).
Pembantu Penyelidik Siswazah	Pembantu penyelidik yang mendaftar sebagai pelajar pascasiswazah.
Pembiaya, Pemberi Dana	Pihak yang memberi peruntukan wang untuk sesuatu penyelidikan.
Pemohon	Individu yang membuat permohonan dana penyelidikan.
Ahli Penyelidik	Individu yang menjalankan aktiviti penyelidikan dan bertanggungjawab dalam mengemukakan ilmu/teori baru dan fakta yang berkaitan dengannya.
Penyelidik Bersama	Individu yang tersenarai dan terlibat sama dalam projek penyelidikan usahasama.
Penyelidikan	Penyelidikan merupakan aktiviti penyiasatan atau ujikaji yang bertujuan mendapatkan dan menginterpretasi fakta, mengemukakan teori baru dan menilai semula teori sedia ada berdasarkan pendekatan ilmiah dan saintifik.
Penyelidikan Kontrak	Aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang dilaksanakan atas permintaan dan dibayar oleh syarikat, agensi atau organisasi luar yang dikaitkan dengan misi atau objektif tertentu dan biasanya dalam bentuk penyerahan sesuatu produk atau laporan. Lazimnya, ia dilaksanakan berasaskan kontrak dan mungkin melibatkan kawalan kerahsiaan dan penerbitan.
Perlembagaan	Bermaksud Perlembagaan KUIS dan hendaklah termasuk apa-apa pindaan di dalamnya.

Pegawai Akademik	Profesor, profesor pelawat, profesor madya, pensyarah kanan, pensyarah, pensyarah muda yang menjalankan tugas-tugas pengajaran.
Tabung Penyelidikan dan Inovasi KUIS (TPIK)	Akaun yang ditubuhkan oleh KUIS bagi tujuan aktiviti penyelidikan dan inovasi dan diselia oleh RIMC.
Tarikh Mula Penyelidikan	Tarikh penyelidikan mula dijalankan iaitu tarikh yang dinyatakan dalam surat tawaran yang dikeluarkan oleh pemberi dana.
Tarikh Tamat Tempoh Lanjutan Penyelidikan	Tarikh tamat tempoh lanjutan yang telah dibenarkan oleh RIMC atau pemberi dana.
Tarikh Tamat Tempoh Penyelidikan	Tarikh tamat aktiviti penyelidikan yang telah ditetapkan oleh pemberi dana.

POLISI PENYELIDIKAN DAN INOVASI

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

BAHAGIAN 1 Pengenalan

1.1 Tujuan

- 1.1.1 Polisi Penyelidikan dan Inovasi KUIS merupakan dokumen yang disediakan sebagai panduan kepada pihak Pengurusan KUIS, pegawai akademik KUIS dan pihak lain yang terlibat dalam aktiviti penyelidikan KUIS.
- 1.1.2 Polisi ini menjadi panduan agar semua yang terlibat dalam aktiviti penyelidikan dapat memahami peranan dan tanggungjawab mereka dalam proses penyelidikan dan inovasi di KUIS agar penyelidikan dapat dijalankan dengan baik dan cekap.
- 1.1.3 Polisi Penyelidikan dan Inovasi KUIS yang digubal hanya sah diguna pakai dalam konteks KUIS. Sebarang perubahan yang dibuat kepada Polisi Penyelidikan dan Inovasi ini adalah tertakluk kepada persetujuan pihak pengurusan tertinggi KUIS.

1.2 Visi dan Misi Penyelidikan KUIS

- 1.2.1 Visi Penyelidikan KUIS adalah untuk memartabatkan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi sebagai pusat peneraju pengurusan penyelidikan yang efisien dan profesional.
- 1.2.2 Misi Penyelidikan KUIS adalah membimbing dan memudahcara penyelidikan yang selari dengan keperluan dan kepentingan ummah ke arah kecemerlangan penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

1.3 Fokus Penyelidikan KUIS

Setiap permohonan geran penyelidikan harus memberi fokus kepada pembangunan dan peningkatan peradaban insan bagi kepentingan ummah, negara dan institusi. Fokus tersebut adalah:

- 1.3.1 Menghasilkan sesuatu idea atau dapatan baru ke arah penyelesaian masalah ummah yang sedia ada.
- 1.3.2 Meningkatkan nilai insan beradab, nilai-nilai khidmat kemasyarakatan serta pendekatan dakwah kepada masyarakat Islam dan bukan Islam berpandukan al-Quran dan al-Sunnah.
- 1.3.3 Menambahbaik penyelesaian yang sedia ada melalui inovasi dan pendekatan terkini.
- 1.3.4 Meningkatkan keupayaan KUIS dan kepakaran pegawai akademik ke arah meneraju penyelidikan dalam kalangan IPT Islam dan menjadi pilihan utama pelajar dan masyarakat.

1.4 Kluster Penyelidikan

Bagi mencapai kecemerlangan dan membentuk kepakaran, beberapa kluster dan sub-kluster bidang penyelidikan telah diwujudkan iaitu:

Kluster	Sub-Kluster
Kewangan dan Pengurusan Islam	<ul style="list-style-type: none">1. Syariah2. Governan3. Ekonomi
Tamadun dan Pemikiran Islam	<ul style="list-style-type: none">1. Bahasa dan komunikasi2. Sejarah dan akidah3. Pendidikan dan pembangunan insan
Teknologi dan Inovasi	<ul style="list-style-type: none">1. Pengurusan maklumat2. Aplikasi dan teknologi pendidikan3. Teknologi maklumat dan komunikasi visual

1.5 Sumber Manusia

Pihak yang terlibat dalam penyelidikan iaitu pegawai akademik KUIS, pegawai pentadbiran KUIS, pembantu penyelidik, pembantu penyelidik siswazah dan individu yang dipersetujui untuk terlibat perlu memahami dan mematuhi perkara berikut:

- 1.5.1 Semua pegawai akademik KUIS layak memohon dana bagi membiayai penyelidikan mereka.
- 1.5.2 Semua pegawai akademik KUIS digalakkan menjalankan penyelidikan, menerbitkan hasil penyelidikan dan mempatenkannya. Manakala pegawai pentadbiran boleh dilibatkan jika berkenaan.
- 1.5.3 Semua pegawai akademik perlu menjalankan penyelidikan dalam membantu perkembangan kerjaya di samping memenuhi tanggungjawab akademik dan pentadbiran. Justeru itu, polisi ini tidak menjadi alasan mengecualikan tugas pengajaran, tanggungjawab akademik dan pentadbiran.
- 1.5.4 Pembantu penyelidik secara sementara atau sambilan, pembantu penyelidik siswazah dan pegawai penyelidik boleh dilantik bagi membantu projek penyelidikan.
- 1.5.5 Pembantu penyelidik siswazah (GRA) yang dilantik di bawah GPIK mestilah individu yang menyambung pengajian di KUIS.
- 1.5.6 Kelulusan melantik pembantu penyelidik, pembantu penyelidik siswazah dan pegawai penyelidik bagi menjalankan urusan lain yang masih berkaitan dengan penyelidikan (seperti pelukis grafik, pengaturcara dan motivator) adalah tertakluk kepada kelulusan Pengarah atau Timbalan Pengarah RIMC dan syarat-syarat semasa yang ditetapkan oleh pihak pemberi dana, jika dinyatakan.

BAHAGIAN 2 GERAN PENYELIDIKAN

2.1 Maklumat Geran Penyelidikan

- 2.1.1 Dana bagi aktiviti penyelidikan di KUIS diperolehi daripada sumber dalaman, geran tempatan, antarabangsa, badan korporat dan persendirian. Oleh yang demikian, penyelidik individu dan kumpulan adalah diharapkan supaya memohon atau membida dana penyelidikan daripada sumber-sumber tersebut.
- 2.1.2 KUIS dari semasa ke semasa memperuntukkan dana penyelidikan bagi tujuan penyelidikan yang khusus dan bersesuaian dengan keperluan semasa.
- 2.1.3 KUIS menggalakkan pegawai akademik memohon geran penyelidikan dari luar, sama ada daripada dana rasmi kerajaan, dana komersial atau korporat, dana amanah atau dana daripada institusi akademik bagi projek secara sendiri atau gabungan. Geran penyelidikan luar mencerminkan pengiktirafan mereka terhadap kecekapan penyelidikan pegawai akademik KUIS serta meningkatkan reputasi penyelidik dan KUIS.
- 2.1.4 Para penyelidik KUIS digalakkan supaya memantapkan bidang penyelidikan dengan menyertai jaringan penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta bekerjasama dengan rakan-rakan tempatan dan luar negara bagi meningkatkan peluang mendapatkan dana luar.

2.2 Jenis Geran

- 2.2.1 **Geran Penyelidikan Dalaman** iaitu Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) yang dibiayai oleh KUIS mengikut beberapa kategori (seperti dinyatakan dalam Garis Panduan Penyelidikan dan Inovasi KUIS).
- 2.2.2 **Geran Penyelidikan Luar** adalah peruntukan penyelidikan daripada pembiayaan luar KUIS. Penyelidikan ini dibiayai oleh badan kerajaan, badan berkanun, yayasan, pertubuhan atau pihak swasta dan lain-lain sama ada dalam atau luar negara bagi tujuan yang dipersetujui bersama.

2.3 Geran Penyelidikan Luar

- 2.3.1 Semua geran penyelidikan luar sama ada tawaran yang diterima melalui KUIS atau tawaran yang diterima oleh pemohon melalui usaha sendiri, hendaklah didaftar dan dilaporkan kepada RIMC.
- 2.3.2 Semua geran penyelidikan dana luar yang terlibat dengan penyelidikan kontrak, usahasama atau penyelidikan antarabangsa **MESTI** mengisi maklumat penyelidikan dalam sistem Pengurusan Penyelidikan (RMS) untuk mendapatkan kod penyelidikan.
- 2.3.3 Pengurusan dan pemantauan penyelidikan adalah merujuk kepada terma yang dimeterai dalam perjanjian penyelidikan atau MoA atau apa-apa dokumen yang dibekalkan oleh pemberi dana atau Garis Panduan Penyelidikan dan Inovasi KUIS.
- 2.3.4 Pendedahan terhadap penemuan penyelidikan adalah tertakluk kepada kebenaran penaja dan terma-terma perjanjiannya.

2.4 Pendaftaran Penyelidikan Persendirian

- 2.4.1 Pegawai akademik yang menjalankan penyelidikan persendirian perlu mendaftarkan penyelidikan tersebut di RIMC dengan mengisi borang permohonan dan melampirkan dokumen sokongan yang berkaitan.
- 2.4.2 Penglibatan pegawai tersebut tidak mengubah mod pengajaran dan pembelajaran di KUIS.

BAHAGIAN 3

PENGURUSAN PENYELIDIKAN

Pengurusan penyelidikan merangkumi aspek-aspek berkaitan pengurusan, pemantauan, pengurusan kewangan dan sumber manusia untuk memastikan setiap aktiviti penyelidikan dijalankan secara cekap dan berkesan.

Pengurusan dan pemantauan penyelidikan ini diuruskan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) mengikut polisi dan garis panduan yang ditetapkan. Jawatankuasa Penyelidikan KUIS memantau segala aktiviti penyelidikan yang dilaksanakan oleh penyelidik dan dilaporkan oleh RIMC.

3.1 Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC)

RIMC berperanan dan bertanggungjawab dalam:

3.1.1 Perancangan dan Pengurusan Penyelidikan

- a. Mengetahui pasti sumber dana dan mendapatkan dana untuk penyelidikan.
- b. Menyalurkan maklumat berkaitan tawaran geran penyelidikan dari pihak pemberi dana kepada bakal penyelidik.
- c. Mengurus permohonan geran dalaman dan luar.
- d. Menjadi perantara di antara pemberi dana dan penyelidik.
- e. Mengajukan bengkel, kursus atau seminar berkaitan aktiviti penyelidikan.
- f. Menguruskan pelantikan pihak yang berkaitan dengan penyelidikan.
- g. Mengajukan sesi pembentangan bagi menilai tahap kemajuan dan hasil penyelidikan.
- h. Menerima laporan penyelidikan dan mengemaskini pangkalan data penyelidikan.

3.1.2 Pengurusan Kewangan

- a. Menyelaras dan menguruskan permohonan kewangan penyelidikan.
- b. Menguruskan penyaluran dana penyelidikan.
- c. Memantau prestasi kewangan dan perbelanjaan penyelidikan mengikut dasar dan pekeliling Pejabat Bendahari, dasar dan pekeliling KUIS yang dikuat kuasakan.
- d. Memastikan semua dana penyelidikan disalurkan melalui akaun KUIS.

3.1.3 Pemantauan dan Penambahbaikan Penyelidikan

- a. Memantau kemajuan, hasil penyelidikan dan prestasi kewangan penyelidikan secara berkala melalui penghantaran laporan kemajuan penyelidikan, laporan kewangan dan laporan akhir penyelidikan yang dihantar kepada RIMC.
- b. Memantau penyelidik bagi memastikan penyelidikan dapat dilengkapkan dalam tempoh yang diluluskan.
- c. Memantau geran penyelidikan luar dari kerajaan dan industri seperti geran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kerajaan Negeri dan lain-lain.
- d. Memberi khidmat nasihat kepada penyelidik tentang perkara yang berkaitan dengan penyelidikan.
- e. RIMC juga berperanan dalam memantau kemajuan prestasi penyelidikan (pencapaian KPI seperti penerbitan, modal insan, harta intelek, laporan teknikal dan lain-lain yang berkaitan).
- f. Semua geran penyelidikan tertakluk kepada pemantauan oleh RIMC bermula dari tarikh geran penyelidikan diaktifkan sehingga tarikh tamat penyelidikan.

3.1.4 Pengurusan Penerbitan Penyelidikan

- a. Menguruskan proses percetakan dan penerbitan hasil penyelidikan.
- b. Menyemak dan menyelaraskan manuskrip atau hasil penyelidikan menjadi buku penyelidikan atau bab dalam buku.
- c. Menerbitkan hasil penyelidikan KUIS.
- d. Membuat publisiti mengenai pencapaian penyelidikan di KUIS melalui media massa.
- e. Mempromosi bahan penerbitan akademik KUIS.

3.1.5 Pengurusan Jaringan Penyelidikan dan Pengkomersialan

- a. Mengenal pasti rakan institusi penyelidikan yang berpotensi untuk mengadakan kerjasama penyelidikan.
- b. Menggerakkan usaha untuk mewujudkan memorandum perjanjian (*Memorandum of Agreement – MoA*) dengan institusi penyelidikan lain.
- c. Membuat semakan deraf memorandum perjanjian penyelidikan bagi memastikan terma dan syarat yang dipersetujui oleh kedua belah pihak memenuhi kepentingan KUIS dan menyumbang kepada pengiktirafan oleh *Malaysian Research Assessment (MyRA)*.
- d. Membantu aktiviti pengkomersialan hasil penyelidikan.

- e. Menguruskan penyertaan penyelidik KUIS dalam pameran penyelidikan dan pertandingan inovasi.

3.1.6 Pengurusan Harta Intelekt

- a. Menguruskan pendaftaran harta intelek yang terhasil dari penyelidikan di KUIS.
- b. Menguruskan dana untuk proses pendaftaran hasil intelek.
- c. Menyimpan salinan rekod permohonan harta intelek dan sijil perlindungan harta intelek.

3.1.7 Pengurusan Aset Penyelidikan

- a. Merekod dan menyimpan semua aset yang diperolehi daripada geran penyelidikan dalaman dan luaran selepas didaftarkan sebagai hak milik KUIS.
- b. Menguruskan peminjaman aset penyelidikan.

3.2 Bidang Kuasa RIMC

3.2.1 RIMC bertanggungjawab menggubal, mengkaji semula serta meminda polisi dan garis panduan penyelidikan agar sesuai, relevan dan terkini dengan persetujuan Pengurusan KUIS.

3.2.2 Pihak RIMC boleh melaksanakan mana-mana satu atau kesemua tindakan berikut bagi penyelidikan GPIK yang bermasalah atau tidak ada kemajuan:

- a. Memberi peringatan dengan meminta KP mengemukakan surat justifikasi atau surat tunjuk sebab.
- b. Menolak permohonan mengeluarkan dana geran dan lain-lain aktiviti penyelidikan.
- c. Menyengarai hitamkan KP dari menerima geran penyelidikan lain.
- d. Melaksanakan tindakan yang termaktub dalam perjanjian (jika ada) atau surat aku janji, sekiranya didapati berlakunya pelanggaran.
- e. Mengesyorkan arahan tuntutan ganti rugi kepada pihak yang berkaitan.
- f. Mengesyorkan tindakan tatatertib dikenakan ke atas KP atau ahli penyelidik dalam isu integriti, pelanggaran etika, berlakunya kecuaiian, tidak bertanggungjawab dan sebagainya, kepada pihak yang berkaitan.

3.3 Jawatankuasa Penyelidikan KUIS (JKPK)

3.3.1 Peranan Dan Tanggungjawab Jawatankuasa Penyelidikan KUIS adalah:

- a. Membuat semakan, penilaian dan meluluskan kertas cadangan penyelidikan bagi permohonan geran dalaman KUIS.
- b. Membuat semakan, penilaian dan cadangan perubahan pada kertas cadangan penyelidikan bagi permohonan geran luar yang tiada mekanisme saringan.

3.4 Jawatankuasa Etika Penyelidikan (JEP) KUIS

3.4.1 Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Etika Penyelidikan KUIS adalah:

- a. Merangka dan menyediakan kod etika penyelidikan dalam Garis Panduan Penyelidikan dan Inovasi KUIS.
- b. Menilai proposal penyelidikan dari sudut etika.
- c. Membincangkan dan menyelesaikan isu etika yang timbul dan membuat keputusan sama ada cadangan penyelidikan itu perlu diluluskan, dipinda atau ditolak.
- d. Memantau perkembangan penyelidikan dan membuat keputusan sama ada penyelidikan itu boleh diteruskan, dipinda atau ditamatkan jika terdapat sebarang masalah etika.
- e. Mengkaji semula Garis Panduan Penyelidikan dan Inovasi KUIS dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan etika.

3.5 Tabung Penyelidikan dan Inovasi KUIS (TPIK)

3.5.1 Tabung Penyelidikan dan Inovasi KUIS adalah tabung yang diwujudkan untuk keperluan lanjut penyelidikan dan diselia oleh RIMC.

3.5.2 Kesemua baki dari dana geran penyelidikan GPIK disalurkan ke dalam TPIK.

3.5.3 Had kuasa kelulusan bagi penggunaan tabung ini adalah seperti ketetapan berikut:

- a. RM0 hingga RM4,999.99 :
 - Kelulusan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC).
 - Melalui kelulusan Mesyuarat Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC).

- b. RM5,000.00 hingga 29,999.99 :
 - Kelulusan Timbalan Rektor (Penyelidikan, Jaringan Komuniti dan Industri).
 - Melalui kelulusan Mesyuarat Jawatan Kuasa Penyelidikan, Penerbitan dan Persidangan (JKPPP).
- c. RM30,000.00 hingga 499,999.99:
 - Kelulusan Rektor
 - Melalui kelulusan Mesyuarat Jawatan Kuasa Pengurusan KUIS (JPK).

3.5.4 Dana TPIK digunakan untuk membiaya perkara berikut:

- a. Aktiviti berkaitan penyelidikan, penulisan, penerbitan dan inovasi.
- b. Bengkel dan kursus jangka pendek berkaitan penyelidikan, penyertaan dalam pameran penyelidikan, pertandingan penulisan, penerbitan dan inovasi.
- c. Program yang berkaitan dengan penarafan bintang MyRA.
- d. Pendaftaran harta intelek seperti hak cipta (*copyright*), cap niaga (*trademark*), paten dan lain-lain.
- e. Pembangunan, penambahbaikan dan penyelenggaraan sistem pengurusan penyelidikan di RIMC.
- f. Lain-lain aktiviti yang bersesuaian dengan keperluan penyelidikan, penerbitan dan inovasi.

BAHAGIAN 4

HASIL PENYELIDIKAN DAN PETUNJUK PRESTASI

KUIS memperakui hasil penyelidikan yang berkualiti berdasarkan mana-mana bukti yang disenaraikan seperti berikut:

- 4.1 Artikel yang diterbitkan dalam jurnal kebangsaan dan antarabangsa yang mempunyai reputasi ilmiah.
- 4.2 Buku, bab dalam buku dan/atau prosiding persidangan.
- 4.3 Dokumentasi dan pendaftaran harta intelek seperti sijil paten, sijil pembaharuan utiliti, reka bentuk industri, hak cipta dan cap dagangan.
- 4.4 Pembentangan hasil kerja penyelidikan dalam persidangan, seminar dan bengkel di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 4.5 Kertas penyelidikan atau laporan berasas yang diiktiraf untuk meningkatkan rangka kerja, strategi pengurusan dan polisi kerajaan atau mana-mana institusi.
- 4.6 Akreditasi dan anugerah yang diterima dalam pameran atau untuk produk berasaskan penyelidikan.
- 4.7 Surat anugerah geran penyelidikan luar yang menunjukkan kejayaan menarik dana penyelidikan baru berdasarkan hasil penyelidikan yang lalu.
- 4.8 Surat pelantikan sebagai editor atau ahli lembaga editorial dalam mana-mana jurnal atau prosiding luar KUIS.
- 4.9 Surat kelulusan graduasi daripada Senat KUIS untuk pembantu penyelidik siswazah.

BAHAGIAN 5

PENERBITAN DAN PENYEBARAN HASIL PENYELIDIKAN

- 5.1 Para penyelidik perlu menerbit dan/atau mempamerkan hasil dapatan penyelidikan mereka dalam mana-mana platform yang berkaitan.
- 5.2 Pemberi dana penyelidikan sewajarnya memahami bahawa para penyelidik mesti mempunyai kebebasan akademik dan tidak dihalang melaksanakan penerbitan atau penyebaran hasil dapatan penyelidikan.
- 5.3 Pihak pemberi dana perlu dimaklumkan sebelum apa-apa penerbitan atau penyebaran dapatan penyelidikan dilaksanakan. Ini membolehkan pihak pemberi dana melindungi harta dan hak intelek serta merancang hubungan kerjasama dengan KUIS.
- 5.4 Para penyelidik mestilah mematuhi perkara yang telah ditetapkan semasa menerbit dan menyebarkan hasil dapatan penyelidikan mereka dalam mana-mana penerbitan dan persidangan.
- 5.5 Penyelidik mestilah memastikan dapatan penyelidikan mereka mendapat ulasan pewasit sebelum diterbitkan, diberi publisiti dan disebar.
- 5.6 Penyelidik perlu memberi perakuan tentang kerjasama rakan penyelidik dan sumber dana yang diterima secara terbuka dalam mana-mana penerbitan atau publisiti.

BAHAGIAN 6

INSENTIF PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN INOVASI

- 6.1 Insentif ini disediakan oleh pihak KUIS atas hasil penyelidikan yang diiktiraf dan mencapai tahap kecemerlangan, tertakluk kepada kelulusan Pengurusan KUIS.
- 6.2 Tujuan pemberian insentif adalah untuk menggalakkan penyelidik melaksanakan penyelidikan dan menerbitkan artikel jurnal yang diiktiraf.
- 6.3 Insentif dalam bentuk pembiayaan yuran penerbitan artikel jurnal yang diiktiraf adalah tertakluk kepada pekeliling KUIS yang dikuatkuasakan.
- 6.4 Insentif khas akan diberikan kepada penyelidik/kumpulan penyelidik yang berjaya mempatenkan sesuatu produk seperti yang telah disahkan dalam Mesyuarat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) dan tertakluk kepada kelulusan Pengurusan KUIS.

BAHAGIAN 7 ETIKA PENYELIDIKAN

7.1 Pelanggaran Polisi

- 7.1.1 Bahagian ini menjelaskan aspek-aspek berkaitan kepatuhan kepada polisi penyelidikan yang ditetapkan oleh KUIS bagi mengelakkan penyalahgunaan atau eksploitasi ke atas penyelidikan.
- 7.1.2 Sebarang aduan tentang pelanggaran polisi hendaklah dibuat secara rasmi kepada RIMC bagi membolehkan penyiasatan dijalankan.
- 7.1.3 Jawatankuasa Etika Penyelidikan KUIS akan menentukan tindakan yang akan diambil hasil daripada laporan siasatan yang dijalankan.

7.2 Salah Laku Penyelidikan

Salah laku dalam penyelidikan yang boleh membawa kepada tindakan tatatertib adalah seperti berikut:

7.2.1 Pemalsuan Data

Ketidakjujuran dalam melaporkan keputusan, merangkumi pemalsuan data, pembetulan keputusan yang tidak wajar dan kecuaiian melampau dalam menganalisis data hingga kepada memilih laporan atau data yang tidak disertakan bagi tujuan mengelirukan pihak-pihak yang berkaitan.

7.2.2 Pemalsuan Penyelidikan

Memalsukan kandungan kajian dengan sengaja termasuk membuat dakwaan yang tidak benar mengenai kajian literatur, memalsukan perkembangan penyelidikan, data dan hasil penyelidikan.

7.2.3 Plagiat

Meniru sebahagian atau keseluruhan hasil penulisan atau penerbitan orang lain tetapi mengakui sebagai hasil penulisan sendiri. Ini termasuk menyalin artikel asal, menukar atau mengubah beberapa perkataan dan mempamerkan penulisan tersebut sebagai milik sendiri.

7.2.4 Pecah Amanah

Kegagalan penyelidik memenuhi tanggungjawab mengurus dan mengawal amanah yang diserahkan kepadanya. Ini termasuk mendedahkan hasil penyelidikan tanpa kebenaran pemiliknya (pemberi dana).

7.2.5 Penipuan Penerbitan

Menerbitkan material yang boleh menimbulkan salah faham dalam kalangan pembaca. Ini merangkumi kesilapan data, perkembangan dan ketulenan penyelidikan, tanpa izin menokok tambah dan mengugurkan nama penyelidik serta penulis bersama (*co-author*) bagi sesuatu penyelidikan.

7.2.6 Pelanggaran dan Penyalahgunaan Hak Milik

Mencuri atau memusnahkan hasil penyelidikan, barangan yang digunakan untuk penyelidikan serta produk kajian sesuatu penyelidikan milik orang lain.

7.2.7 Penyalahgunaan Peruntukan

Kegagalan untuk menggunakan peruntukan penyelidikan dan menyenaraikan rekod perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam dokumen kontrak / perjanjian / akujanji.

7.2.8 Penyalahgunaan Data Peribadi

Kegagalan dalam mendapat kebenaran daripada penyimpan maklumat penyelidikan, melindungi hak pemberi maklumat dari segi privasi dan melindungi identiti sumber maklumat.

7.2.9 Kegagalan Melaporkan Salah Laku Penyelidikan

Merahsiakan atau gagal melaporkan kesalahan yang berkaitan dengan salah laku penyelidikan.

BAHAGIAN 8

HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSIALAN

8.1 Harta Intelek dan Pengkomersialan (HIP)

- 8.1.1 Harta Intelek adalah semua hasil bentuk nyata (*tangible*) yang terhasil daripada pemikiran manusia tetapi tidak terhad kepada idea, reka cipta, reka bentuk, lakaran, lukisan, kerja penulisan dan muzik, program komputer dan pangkalan data.
- 8.1.2 HIP KUIS merupakan hak yang dilindungi oleh undang-undang khusus bagi membolehkan pemilik harta intelek tersebut melaksanakan kawalan eksklusif ke atas eksploitasi hak tersebut, biasanya dikaitkan dengan tujuan keuntungan komersial.
- 8.1.3 Polisi ini bertujuan untuk memudahkan pengurusan penciptaan, perlindungan, pengkomersialan, eksploitasi dan pengembangan harta intelek selaras dengan syariat Islam. Perkongsian pulangan kewangan daripada hasil pengkomersialan antara KUIS dan penyelidik adalah berdasarkan nisbah yang dipersetujui.

8.2 Perlindungan Harta Intelek

- 8.2.1 Harta intelek dilindungi di bawah undang-undang Malaysia atau mana-mana perundangan yang berkaitan harta intelek seperti hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cap dagangan, petunjuk geografi, ilmu kemahiran dan maklumat sulit.

8.3 Pemilikan Harta Intelek KUIS

- 8.3.1 Penghasilan Harta Intelek oleh Penyelidik KUIS.

Pengiktirafan penghasilan harta intelek oleh penyelidik KUIS adalah tertakluk kepada perkara berikut:

- a. Permintaan dan/atau arahan KUIS.
- b. Berlaku dalam tempoh perkhidmatan di KUIS dan/atau akibat pelantikannya oleh KUIS dan/atau membuat penyelidikan di bawah geran penyelidikan dan inovasi KUIS.
- c. Keseluruhan atau sebahagian kos dibiaya oleh KUIS atau oleh pihak ketiga sama ada bagi pihak KUIS atau melalui perjanjian dengan pihak KUIS.
- d. Penggunaan sebarang bentuk kemudahan, waktu kerja, bahan, peruntukan perkakasan, penyeliaan, upah atau apa-apa sumber KUIS yang lain dalam menghasilkan harta intelek.

- 8.3.2 KUIS tidak akan menuntut sebarang pemilikan dan/atau kepentingan bagi apa jua harta intelek yang dihasilkan oleh penyelidik KUIS di luar skop pekerjaan mereka. Ini termasuk karya, reka cipta, reka bentuk, perkara lain yang telah dicipta, dimajukan, dihasilkan atau diwujudkan tanpa penggunaan sebarang bentuk kemudahan, waktu kerja, bahan atau apa-apa sumber KUIS yang lain.
- 8.3.3 Namun begitu, penyelidik KUIS boleh menyerahkan atau memindahkan semua pemilikan atau kepentingan dalam harta intelek tersebut kepada KUIS, tertakluk kepada syarat yang dipersetujui termasuk sumbangan hasil dari pengkomersialan atas dasar persetujuan yang ditetapkan.
- 8.3.4 Penghasilan Harta Intelek Pembantu Penyelidik Siswazah KUIS.

Pengiktirafan penghasilan harta intelek tertakluk kepada perkara berikut:

- a. Pembantu penyelidik siswazah dalam tempoh pengajian di KUIS.
- b. Menerima biasiswa atau bayaran melalui geran penyelidikan KUIS.
- c. Menjalankan penyelidikan di bawah geran penyelidikan dan inovasi KUIS.

8.4 Penghasilan Harta Intelek Bersama Pihak Ketiga

- 8.4.1 Penyelidik KUIS hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan) melalui RIMC sebelum memberikan apa-apa kemudahan, bahan dan sumber KUIS kepada pihak luar bagi tujuan penghasilan harta intelek.
- 8.4.2 Usahasama bagi menghasilkan harta intelek bersama pihak ketiga hendaklah berdasarkan terma-terma perjanjian yang dibuat dengan KUIS bagi mengelakkan eksploitasi hak pemilikan oleh mana-mana pihak.